

PROSIDING

**SEMINAR KEBANGSAAN
ISU-ISU PENDIDIKAN NEGARA
KETIGA**

*Dasar dan Pelaksanaan
Ke Arah Pengukuhan Halatuju Dasar Pendidikan Negara*

PROSIDING



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

**FAKULTI
PENDIDIKAN**

PROSIDING

SEMINAR KEBANGSAAN ISU-ISU PENDIDIKAN NEGARA KETIGA: DASAR DAN PELAKSANAAN

Ke Arah Pengukuhan Hala Tuju Dasar Pendidikan Negara

Anjuran:
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
13 – 14 Februari 2007
Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (Esset) Bangi
Selangor D.E.

Penerbitan
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
2007

**PROSIDING
SEMINAR KEBANGSAAN ISU-ISU PENDIDIKAN NEGARA KETIGA:
DASAR DAN DAN PELAKSANAAN**

Terbitan: Fakulti Pendidikan
 Universiti Kebangsaan Malaysia @ 2007

Hak Cipta Terpelihara:

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan dalam prosiding ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan cara lain sebelum mendapatkan keizinan daripada Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Perundingan tertakluk kepada royalti atau honorarium

Diatur Huruf: Mansor Ab. Samad
 Zamri Mahamod

Muka Taip Teks: Times New Roman (9, 10, 11, 12)
 Arial (10, 11, 12)

ISBN: 978-983-2975-83-0

Percetakan: Pusat Penerbitan dan Percetakan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi, Selangor. D.E.

Ke Arah Pembangunan Modal Insan di Malaysia : Satu Analisis Berteraskan Islam Hadhari <i>Shuhairimi Abdullah, Abdul Jalil Ramli & Muhammad Nasiruddin Mahyuddin</i>	363 - 370
Pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi Di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur <i>Muhammad Hasyim Mustamin</i>	371 - 380
Pendidikan Keusahawanan: Isu Dan Cabaran Universiti <i>Halimah Harun</i>	381 - 386
Strategi Pembelajaran Akses Kendiri Bahasa Arab Tinggi Dan Hubungannya Dengan Pencapaian: Satu Kajian Tinjauan <i>Maimun Aqsha Lubis & Jamaliah Rani</i>	387-395
Integrasi Nasional: Tahap Keselesaan Interaksi Dan Toleransi Pelajar Sekolah Menengah <i>Rashidah Mamat</i>	397 - 408
Penempatan Guru Di Program Integrasi Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran <i>Aliza Alias & Mohd Mokhtar Hj Tahar</i>	409 - 414
Kualiti Kepemimpinan Dan Pengurusan: Refleksi Kepemimpinan Transformasi Dalam PTV <i>Baharom Mohamad, Shikin Lakman, Mohd Nor Hashim & Mohd Zaid</i>	415 - 432
Kurikulum Persekolahan Di Malaysia Dan Perkembangannya <i>Zahara Aziz & Khairuddin Ahmad</i>	433 - 442
Penggunaan Pendekatan Berasaskan Web Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus-Kursus Pendidikan Matematik <i>Effandi Zakaria, Md Yusoff Daud & Norazah Mohd. Nordin</i>	443 - 446
Muzik Di Sekolah-Sekolah Di Malaysia: Asas, Perlu Dan Relevan! <i>Ramona Mohd. Tahir</i>	447 - 456
Hubungan Motif, Sikap dan Latihan Perguruan dengan Profesionalisme Keguruan Pelajar Program Pendidikan IPTA: Suatu Kajian Analisis Laluan <i>Mohd Yusof Abdullah, Salleh Abd Rashid & Zulkifli Mohamed</i>	457 - 468
Pengurusan Konflik Di Kalangan Guru Besar-Guru Besar Dan Guru-Guru Di Sekolah Rendah <i>Mohammed Sani Ibrahim, Mohd Izham Mohd Hamzah & Jainabee Md Kassim</i>	469 - 478
Cabaran Dan Isu Dalam Perancangan Dan Pembangunan Kurikulum Persekolahan Di Malaysia: Satu Analisis Refleksi <i>Sharifah Nor Puteh & T. Subahan Mohd Meerah</i>	479 - 484
Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris Dalam Konteks Kepelbagaian Pelajar <i>Juriah Long, Khalid Abdullah, Zarin Ismail & Zanaton Hj. Ikhsan</i>	485 - 498

PELAKSANAAN KURIKULUM BERASAS KOMPETENSI DI SEKOLAH INDONESIA KUALA LUMPUR

Muhammad Hasyim Mustamin

ABSTRAK: Kurikulum berbasis kompetensi (KBK) merupakan kurikulum terbaru dilaksanakan di Indonesia yang bukan sahaja memfokus kepada pencapaian aspek kognitif tetapi juga mengambil kira kecemerlangan sikap dan kemahiran anak didik. Kajian ini bertujuan untuk meninjau beberapa aspek terhadap persepsi guru, iaitu tahap pengetahuan guru terhadap KBK, tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan kurikulum serta tahap pelaksanaan kurikulum. Seterusnya mengikut tahap persepsi pelajar pula ialah pelaksanaan pengajaran guru di bilik darjah. Hasil kajian menunjukkan pengetahuan guru terhadap kurikulum berada pada tahap 'berpengetahuan' dengan min 3.78. Kesediaan guru dalam melaksanakan kurikulum berada pada tahap 'tinggi' dengan min 4.14. Tahap pelaksanaan kurikulum mengikut persepsi guru berada pada tahap 'tinggi' dengan min 4.15 dan tahap pelaksanaan pengajaran guru mengikut persepsi pelajar berada pada tahap 'tinggi' dengan min 3.86. Kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pelaksanaan KBK mengikut persepsi guru berdasarkan jantina, umur, status guru dan pengalaman mengajar serta terdapat hubungan yang signifikan ($r = 0.52$) antara pengetahuan guru dengan aspek kesediaan terhadap pelaksanaan KBK.

PENGENALAN

Revolusi politik pada tahun 1998 telah membawa perubahan dan mencetuskan fenomena baru dalam pembangunan sistem pendidikan di Indonesia yang sebelumnya menggunakan sistem yang berpusat berubah menjadi tidak berpusat. Ekoran daripada perubahan tersebut Kementerian Pendidikan Nasional Indonesia telah melancarkan kurikulum baru yang disebut dengan Kurikulum Berbasis Kompetensi. Tahap rintis (pilot project) pelaksanaan kurikulum ini bermula pada tahun 2002/2003 di beberapa sekolah percubaan. Kemudian rancangan ini dilaksanakan untuk semua sekolah secara menyeluruh pada tahun 2004 (Dede Rosyada 2004).

PERNYATAAN MASALAH

Perubahan dan inovasi biasanya akan memberikan pelbagai respon terhadap pelaksanaan kurikulum, begitu pula halnya dengan kurikulum pendidikan. Respon tersebut boleh berupa positif mahupun negatif dalam pemikiran seseorang apabila sesuatu itu baru dilaksanakan (Syaodih, 2002). Nana Syaodih (1997), Wina Sanjaya (2006) menyatakan bahawa perubahan dalam kurikulum akan menghadapi kesukaran dalam pelaksanaannya jika guru sebagai pelaksana tidak mempunyai tanggapan dan pemahaman yang masih kurang jelas terhadap kurikulum tersebut, tidak mempunyai pengetahuan, pengalaman dan keupayaan yang pada akhirnya kurang bersedia untuk bersama-sama menghadapi dan melaksanakan perubahan yang dirancang. Nampaknya, guru-guru yang terlibat dalam pengajaran Kurikulum Berbasis Kompetensi di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur masih amat memerlukan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kebolehan mereka terhadap Kurikulum Berbasis Kompetensi.

METODOLOGI

Kajian ini adalah menggunakan kaedah tinjauan (*exploratory*) berbentuk deskriptif kualitatif dan kuantitatif yang bertujuan untuk melihat persepsi guru dan pelajar terhadap pelaksanaan Kurikulum Berbasis Kompetensi.

Berasas Kompetensi (KBK) di Sekolah Kuala Lumpur. Populasi dalam kajian ini ialah semua guru yang berjumlah 22 orang dan 139 pelajar dari Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan Sekolah Menengah Atas (SMA) di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur. Oleh kerana populasi yang mengajar di sekolah tersebut sangat terhad iaitu hanya berjumlah 22 orang, maka persampelannya pun melibatkan semua dari jumlah populasi guru yang ada. Adapun bagi persampelannya sebanyak 77 orang yang dipilih dari pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Pertama (SMP), tingkatan dua dan tiga Sekolah Menengah Atas (SMA). Pengumpulan data dalam kajian ini ialah dengan membentuk instrumen soal selidik yang dibina dan digunakan, iaitu: 2 set borang soal selidik dibina untuk kajian ini, iaitu 1 set soal selidik untuk kalangan guru-guru dan 1 set untuk kalangan pelajar. Soal selidik ini distrukturkan oleh empat bahagian. Bahagian A merupakan profil guru. Bahagian B terdiri daripada 10 item kenyataan yang menghubungkan tahap pengetahuan guru terhadap Kurikulum Berasas Kompetensi. Bahagian C terdiri daripada 10 kenyataan menghubungkan tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi. Bahagian D pula terdiri daripada 10 kenyataan mengenai pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi guru. Soal selidik tentang tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi. Bahagian A merupakan profil pelajar. Bahagian B terdiri daripada 15 kenyataan yang bertujuan untuk mengupas pelaksanaan pengajaran guru mengenai Kurikulum Berasas Kompetensi di bilik darjah mengikut persepsi pelajar. Data-data yang dikumpulkan dari borang soal selidik akan diproses dengan komputer menggunakan program *Statistical Package for The Social Science (SPSS) versi 12.0*. Data daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti peratus dan frekuensi, terutama berkaitan dengan latar belakang dan juga data-data yang berkaitan dengan tahap pengetahuan, kesediaan dan tahap persepsi guru terhadap pelaksanaan kurikulum berasas kompetensi. Beberapa ujian inferensi seperti *ANOVA* dan *Pearson's Correlation* juga dilakukan untuk melihat perbezaan dan hubungan antara beberapa pemboleh ubah bebas.

DAPATAN KAJIAN

Huraian yang berikut ialah laporan analisis statistik deskriptif mengenai beberapa aspek berkaitan dengan tahap pengetahuan, kesediaan dan tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur mengikut persepsi guru. Selain itu, turut dimuatkan juga pelaksanaan pengajaran guru menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi pelajar.

JADUAL 1: Tahap pengetahuan guru terhadap Kurikulum Berasas Kompetensi

Item	STB %	TB %	TP %	B %	SB %	Min Keseluruhan
1. Tujuan daripada perubahan kurikulum kepada Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	91	77.3	13.6	4.1
2. Asas pengembangan Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	182	63.6	18.2	4.0
3. Ciri-ciri Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	50.0	40.9	9.1	3.5
4. Prinsip-prinsip dalam pengembangan Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	22.7	63.6	13.6	3.5
5. Merumuskan berbagai kompetensi yang harus dicapai dari proses pengajaran dan pembelajaran.	-	-	45.5	36.4	18.2	3.7
6. Menggunakan kaedah pembelajaran yang dapat menghasilkan kompetensi pelajar.	-	-	40.9	50.0	9.1	3.6
7. Membuat penilaian berasas kelas.	-	-	40.9	40.9	18.2	3.7
8. Penggunaan alat penilaian berasaskan kompetensi.	-	-	27.3	59.1	13.6	3.6
9. Mengukur standard kompetensi yang dihasilkan dari pembelajaran.	-	4.5	40.9	45.5	9.1	3.5
10. Penggunaan kaedah pembelajaran masteri.	-	-	27.3	72.7	-	3.7
Jumlah Min Keseluruhan						3.7

Jadual 1 menunjukkan seramai 20 orang guru (90.9%) menyatakan berpengetahuan terhadap Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur. Daripada perubahan kepada Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Begitu pula halnya dengan 18 orang guru (81.8%) menyatakan berpengetahuan terhadap asas pengembangan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Namun 11 orang guru (50%) sahaja yang mengetahui ciri-ciri dalam Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Seramai 17 orang guru (77.2%) berpengetahuan terhadap prinsip-prinsip dalam pengembangan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Seramai 12 (54.6%) orang guru yang menyatakan berpengetahuan merumuskan berbagai kompetensi yang harus dicapai dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu pula hanya seramai 13 orang guru (59.1%) yang menyatakan berpengetahuan menggunakan kaedah dan strategi yang dapat menghasilkan kompetensi pelajar. Manakala 13 orang guru (59.1%) menyatakan berpengetahuan dalam membuat penilaian berasas kompetensi. Dan 16 orang guru (54.6%) menyatakan berpengetahuan dalam mengukur standard kompetensi yang dihasilkan dari pembelajaran serta 16 orang guru (72.7%) yang menyatakan berpengetahuan terhadap penggunaan kaedah pembelajaran masteri. Dari keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan nilai min adalah 3.78. Dapatan ini bermakna bahawa tahap pengetahuan guru berada pada tahap berpengetahuan terhadap Kurikulum Berasas Kompetensi.

JADUAL 2: Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi

Item	STS %	TS %	TP %	S %	SS %	MIN
1. bersedia terlibat dalam pengembangan kurikulum.	-	-	18.2	63.6	18.2	4.00
2. bersedia mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	4.5	77.3	18.2	4.13
3. bersedia membuat rancangan persiapan mengajar.	4.5	-	-	81.8	13.6	4.00
4. bersedia membuat silabus pembelajaran.	-	4.5	4.5	77.3	13.6	4.00
5. bersedia menggunakan sumber, bahan dan alat bantu mengajar.	-	-	-	77.3	22.7	4.22
6. bersedia menggunakan kaedah yang dapat menghasilkan kompetensi pelajar.	-	-	18.2	63.6	18.2	4.00
7. bersedia melakukan pengajaran berpusatkan pelajar.	-	-	-	68.2	31.8	4.31
8. bersedia membuat pengukuran standard kompetensi yang telah dihasilkan dari sesi pembelajaran.	-	-	9.1	68.2	22.7	4.13
9. bersedia membuat penilaian berasas kelas.	-	-	22.7	54.5	22.7	4.00
10. bersedia mengikuti kursus KBK di SIK (jika dibuat).	-	-	-	36.4	63.6	4.63
Min Keseluruhan						4.14

Berdasarkan Jadual 2, seramai 18 orang guru (81.8%) menyatakan bersetuju untuk bersedia terlibat dalam perancangan dan pengembangan kurikulum di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur (SIK). Manakala kesediaan untuk mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) ialah 121 orang guru (95.5%) menyatakan bersedia. Begitu pula halnya dengan kesediaan membuat rancangan persiapan mengajar seramai 21 orang guru (95.4%) bersetuju. Seramai 20 orang guru (90.9%) bersetuju bersedia membuat rumusan berbagai kompetensi dan menyusun silabus pembelajaran. Manakala kesediaan menggunakan sumber dan bahan bantu mengajar ialah seramai 18 orang guru (100%) atau kesemua orang guru bersetuju. Bagi 18 orang guru (81.8%) menyatakan bersetuju untuk bersedia menggunakan kaedah dan strategi pengajaran yang boleh menghasilkan kompetensi pelajar. Seramai 22 (100%) atau semua orang guru bersetuju untuk bersedia melakukan pengajaran berpusat pada pelajar. Manakala 20 orang guru (90.9%) menyatakan bersetuju untuk bersedia membuat pengukuran standard kompetensi yang telah dihasilkan. 17 orang guru (77.2%) menyatakan

bersetuju untuk bersedia membuat penilaian berasas kelas. Begitu pula halnya kesediaan mengikuti kembali kursus dan latihan berkaitan dengan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) dibuat di SIK adalah seramai 22 orang guru (100%) menyatakan bersetuju dan bersedia mengikut. Dari keseluruhan item dari dapatan kajian ini menunjukkan nilai min adalah 4.14. Dapatan ini bermakna bahawa tahap kesediaan guru berada pada tahap tinggi terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi.

JADUAL 3: Tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi guru

Item	STS	TS	TP	S	SS
	%	%	%	%	%
1. Bagi saya, perubahan kurikulum 1994 kepada Kurikulum Berasas Kompetensi adalah idea baik bagi pelaksanaannya.	-	-	-	68.2	31.8
2. Saya percaya bahawa Kurikulum Berasas Kompetensi diperlukan bagi pengajaran dan pembelajaran di SIK.	-	-	-	86.4	13.6
3. Saya seronok mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	18.2	68.2	13.6
4. Mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi adalah menarik dan mencabar.	-	-	13.6	72.7	13.6
5. Saya perlu mengubah teknik/amalan pengajaran yang saya praktikkan sebelumnya bagi melaksanakan Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	4.5	81.8	13.6
6. Mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi sangat berkesan.	-	-	9.1	54.5	36.4
7. Saya yakin dapat melaksanakan perubahan-perubahan dalam pengajaran menggunakan KBK sepertimana yang diharapkan.	-	-	13.6	77.3	9.1
8. Saya perlu bekerjasama dengan rakan-rakan untuk melaksanakan Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	-	50.0	50.0
9. Saya perlu menambahkan pengetahuan dan kemahiran saya bagi mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	4.5	40.9	54.5
10. Mengajar dengan menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi menjadikan saya lebih bersemangat dalam meningkatkan pengajaran saya.	-	-	4.5	86.4	9.1
11. Saya yakin pelajar-pelajar saya seronok (gembira) belajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi.	-	-	9.1	86.4	4.5
Jumlah Min keseluruhan					

Dari Jadual 3 dapat dilihat bahawa 22 orang guru (100%) bersetuju dengan perubahan kurikulum 1994 kepada KBK dan idea tersebut baik untuk dilaksanakan. Sementara itu juga 22 orang (100%) yang juga mempercayai tentang keperluan pengajaran dan pembelajaran menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Seramai 18 orang guru (81.8%) bersetuju bahawa ia seronok dalam pengajaran menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Seramai 19 orang guru (86.3%) bersetuju bahawa mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) menarik dan mencabar. 21 orang guru (95.4%) menyatakan bersetuju keperluan mengubah teknik dan perlakuan pengajaran yang sudah diamalkan sebelumnya melaksanakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Sebanyak 20 orang guru (90.9%) menyatakan bahawa mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK) adalah tetapi ia berkesan. Begitu pula 19 orang guru (86.4%) berkeyakinan dapat melaksanakan perubahan dalam pengajaran menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). 22 atau semua

(100%) juga bersetuju terhadap keperluan bekerjasama dengan rakan-rakannya untuk melaksanakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Seramai 21 orang guru (95.4%) juga bersetuju perlunya menambahkan pengetahuan dan kemahiran mengajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Seramai 21 orang guru (95.5%) bersetuju menyatakan ia lebih semangat meningkatkan pengajarannya menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). 20 orang guru (90.9%) bersetuju bahawa pelajar-pelajarnya berseronok belajar menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Dari keseluruhan item dari dapatan kajian ini menunjukkan nilai min adalah 4.15. Dapatan ini bermakna bahawa tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi guru berada pada tahap tinggi.

Beberapa ujian-t telah dilakukan bagi melihat perbezaan tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi guru berdasarkan jantina, umur, status guru dan pengalaman mengajar. Ujian yang diperolehi menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi guru berdasarkan jantina ($p = 0.76$), umur ($p = 0.76$), status guru ($p = 0.09$) dan pengalaman mengajar ($p = 0.69$). Ujian *pearson's chi square* juga dilakukan bagi melihat hubungan antara pengetahuan guru dengan aspek kesediaan melaksanakan kurikulum. Keputusan korelasi menunjukkan nilai $r = 0.52$, yang memberi makna hubungan antara pengetahuan dan kesediaan yang berada tahap sederhana. Manakala nilai $p = 0.00$ dan aras signifikannya 0.01.

Jadual 4 menunjukkan tahap pelaksanaan pengajaran guru menggunakan KBK di Sekolah Menengah di Kuala Lumpur mengikut persepsi pelajar. Dari jadual tersebut mendapati 45 orang pelajar menyatakan pengajaran guru menarik minat dan perhatian pelajar. Seramai 56 orang (72.7%) menyatakan guru menstruktur pengajarannya dalam bilik darjah. Begitu pula seramai 76.6% berbanding bahawa guru menghubungkan pelajaran dengan pengetahuan sebelumnya. Seramai 63 orang pelajar (81.8%) berbanding bahawa guru mengajar secara aktif dan berkesan. Begitu pula 54 orang pelajar (70.2%) menyatakan pengajaran guru mudah difahami dan tepat. Jadual ini juga didapati terdapat 56 orang pelajar (72.7%) menyatakan bahawa guru mengamalkan pelbagai kaedah dalam pengajarannya. Seramai 46 orang pelajar (59.8%) berbanding guru menyesuaikan kaedah dan strategi pengajaran mengikut minat dan tahap pelajar. Seramai 83.2% pelajar menyatakan bahawa guru menggunakan dan mempelbagaikan bahan bantu mengajar. Hanya 49 orang pelajar (63.7%) yang berbanding bahawa guru boleh mengawal kondisi bilik darjah yang baik pada masa pembelajaran. Seramai 57 orang pelajar (74.1%) mendapati guru memiliki pengetahuan yang tinggi dalam pengajarannya. Begitu pula 55 orang pelajar (71.5%) berbanding bahawa guru memiliki kemahiran gerak tubuh dalam mengajar. Seramai 61 orang pelajar (79.2%) menyatakan bahawa guru memberikan kebebasan kepada pelajar berfikir secara kritikal dan kreatif. Seramai 48 orang pelajar (62.4%) berbanding bahawa guru mengajar berpusatkan pada pelajar. Seramai 55 orang pelajar (71.5%) menyatakan bahawa guru membuat penilaian yang adil dan terbuka. Seramai 56 orang pelajar (72.7%) menyatakan bahawa guru memberi penegasan di akhir pembelajaran. Dari keseluruhan item dari dapatan kajian ini menunjukkan nilai min adalah 3.86. Dapatan ini bermakna bahawa tahap pelaksanaan pengajaran guru menggunakan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi pelajar berada pada tahap tinggi.

JADUAL 4: Tahap pelaksanaan pengajaran guru menggunakan Kurikulum Beras Kompetensi mengikut persepsi pelajar

Item	STS %	TS %	TP %	S %	SS %
1. Pada pandangan saya, pengajaran guru menarik minat pelajar	-	13.0	28.6	49.4	9.1
2. Pada pandangan saya, guru menstruktur pengajaran mengikut urutan pengajaran	-	2.6	24.7	64.9	7.8
3. Pada pandangan saya, pengajaran guru menghubungkan dengan pelajaran sebelumnya	-	3.9	19.5	63.6	13.0
4. Pada pandangan saya, guru mengajar secara aktif dan berwibawa	-	2.6	15.6	58.4	23.4
5. Pada pandangan saya, guru menyampaikan pelajaran dengan menggunakan istilah-istilah yang mudah difahami, tepat dan jelas	-	1.3	28.6	45.5	24.7
6. Pada pandangan saya, guru menggunakan berbagai kaedah dalam pembelajarannya	-	2.6	24.7	61.0	11.7
7. Pada pandangan saya, guru menyesuaikan kaedah pengajaran dengan tahap kemahiran pelajar yang berbeza-beza	-	5.2	35.1	45.5	14.3
8. Pada pandangan saya, penggunaan bahan bantu mengajar sangat membantu kefahaman pelajar	-	2.6	14.3	40.3	42.9
9. Pada pandangan saya, guru dapat mengawal kondisi kelas dengan baik	-	5.2	31.2	44.2	19.5
10. Pada pandangan saya, guru mempunyai keyakinan yang tinggi dalam menyampaikan pengajarannya	-	6.5	19.5	48.1	26.0
11. Pada pandangan saya, guru memiliki kemahiran gerak tubuh dalam menyampaikan pengajaran	-	7.8	20.8	48.1	23.4
12. Pada pandangan saya, guru selalu memberikan kebebasan kepada pelajar untuk berfikir secara kritikal dan kreatif	-	3.9	16.9	58.4	20.8
13. Pada pandangan saya, guru mengajar berpusatkan pada pelajar	-	5.2	32.5	45.5	16.9
14. Pada pandangan saya, guru membuat penilaian yang adil dan terbuka berasaskan kompetensi pelajar	-	3.9	24.7	40.3	31.2
15. Pada pandangan saya, guru memberi penguahan kepada pelajar di akhir pengajaran	-	2.6	24.7	59.7	13.0
Jumlah Min Keseluruhan					3.7

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Secara umum, dapatan kajian ini mendapati bahawa majoriti guru-guru di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur (SIK) memiliki pengetahuan terhadap Kurikulum Beras Kompetensi (KBK). Dapatan min keseluruhan bagi konstruk pengetahuan ialah 3.78, iaitu berada pada tahap berpengetahuan menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan terhadap konsep dan pelaksanaan Kurikulum Beras Kompetensi.

Keperluan terhadap pengetahuan konsepsi dasar kurikulum ini sememangnya perlu di kira sebagaimana Anwar Jasim dalam Dawam Raharjo (1997) menyatakan bahawa kurikulum pengajaran dapat dicapai dan terlaksana dengan baik apabila guru memiliki pengetahuan terhadap perubahan kurikulum, memahami konsep dan pelaksanaan kurikulum secara menyeluruh. Justeru dapatan analisis min tertinggi dari keseluruhan item konstruk ini ialah berkaitan dengan pengetahuan guru terhadap tujuan perubahan kurikulum kepada Kurikulum Beras Kompetensi yang mend

4.04. Manakala min terendah ialah pengetahuan guru mengukur standard kompetensi yang dijanjikan dari pembelajaran (min = 3.59). Perolehan min terendah ini nampaknya ada kaitannya dengan perolehan min tahap pelaksanaan Kurikulum Beras Kompetensi mengikut persepsi guru. Dapatan hasil temu bual dengan guru tentang perlunya mempertingkatkan pemahaman dan pengetahuan membahagikan guru mengajar menggunakan Kurikulum Beras Kompetensi. Justeru itu mereka menyarankan perlunya ada latihan atau kursus berkaitan dengan kurikulum beras kompetensi dibuat secara khas di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur. Hasil kajian ini kurang selari dengan Eni Nuraeni (2004) tentang pemahaman guru terhadap pelaksanaan kurikulum beras kompetensi di Sekolah Menengah Pertama (SMP) kota Bandung mendapati masih pada tahap sederhana.

Kajian ini juga mendapati kesediaan guru terhadap pelaksanaan kurikulum beras kompetensi di tahap tinggi (min = 4.14). Kajian ini selaras dengan apa yang didapati oleh Ervawi (2003) tentang kesediaan sekolah dan guru melaksanakan kurikulum beras kompetensi. Dari analisis dapatan didapati 91.3% orang guru menyatakan kesediaannya melaksanakan Kurikulum Beras Kompetensi (KBK). Dapatan min tertinggi bagi konstruk kesediaan ini ialah berkaitan dengan kesediaan untuk mengikuti kursus dan latihan Kurikulum Beras Kompetensi jika di buat di SIK (min = 4.00). Guru-guru di sekolah Indonesia Kuala Lumpur sememangnya masih perlu diberikan kursus latihan untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan, kefahaman dan kemahirannya meskipun mereka untuk terlibat dalam perancangan dan pengembangan Kurikulum Beras Kompetensi di sekolah Indonesia Kuala Lumpur di tahap tinggi (min = 4.00). Dapatan min ini juga berkaitan dengan kesediaan guru membuat rumusan pengajaran, item ke 6 berkaitan dengan kesediaan guru menggunakan kaedah dan strategi yang dapat menghasilkan kompetensi pelajar serta tentang kesediaan guru membuat penilaian beras kelas.

Tahap pelaksanaan Kurikulum Beras Kompetensi mengikut persepsi guru berada pada tahap tinggi (min = 4.15). Dapatan min tertinggi bagi keseluruhan item konstruk tahap pelaksanaan Kurikulum Beras Kompetensi mengikut persepsi guru ialah berkaitan dengan item 8 iaitu keperluan sama dengan sesama rakan guru (min = 4.50) dan item 9, ialah keperluan menambahkan bahan bagi mengajar menggunakan Kurikulum Beras Kompetensi (min = 4.50). Ini menunjukkan bahawa keseluruhan guru-guru menyatakan adanya keperluan menambahkan bahan dan kemahiran serta kerjasama dengan rakan-rakan guru dalam melaksanakan Kurikulum Beras Kompetensi di sekolah Indonesia Kuala Lumpur. Dapatan ini juga boleh diinterpretasikan sebagai guru memiliki persepsi yang positif terhadap pelaksanaan kurikulum beras kompetensi di sekolah Indonesia Kuala Lumpur. Sememangnya persepsi dan sikap guru yang dikatakan tidak menerima perubahan dan inovasi memiliki kecenderungan seseorang untuk berpegang kepada tradisi (Prat (1980) menyatakan bahawa persepsi negatif dan sikap penentangan guru terhadap perubahan dan inovasi pendidikan disebabkan oleh kecenderungan seseorang untuk berpegang kepada tradisi-amalan yang tidak asing baginya iaitu amalan yang sedia ada yang sudah terbukti berjaya.

Dalam kajian ini juga didapati tahap pelaksanaan pengajaran guru menggunakan Kurikulum Beras Kompetensi mengikut persepsi pelajar di bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran guru menggunakan Kurikulum Beras Kompetensi mengikut persepsi pelajar di sekolah Indonesia Kuala Lumpur berada di tahap tinggi (min = 3.86). Dapatan min tertinggi bagi keseluruhan item konstruk tahap pelaksanaan pengajaran guru menggunakan Kurikulum Beras Kompetensi mengikut persepsi pelajar ialah berkaitan penggunaan alat dan bahan bantu mengajar konvensional dan terkini sangat membantu pelajar dalam memahami pengajaran yang disampaikan (guru (4.23). Guru sentiasa mengajar berpusatkan pada pelajar mendapat min yang paling rendah (3.01). Walau bagaimanapun, kedudukan perolehan keseluruhan min pengajaran guru mengikut persepsi masih kurang memuaskan disebabkan purata keseluruhan perolehan masih di bawah nilai maksimum. Berdasarkan kepada keputusan dapatan min yang paling rendah bagi item dalam konstruk ini, maka kepentingan penggunaan pengajaran yang berpusatkan pada pelajar sememangnya perlu dipertingkatkan bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan di sekolah Indonesia Kuala Lumpur. Dapatan ini disokong oleh Zahara, Khadijah dan Anuar (1999) di mana pengajaran guru yang

menggunakan strategi-strategi pengajaran yang berpusatkan pelajar mampu meningkatkan prestasi belajar. Ini kerana daya ingatan pelajar dapat dipertingkatkan melalui hasil daripada pengajaran yang diperolehi dalam pembelajaran. Keperluan kepada menggalak dan menyediakan dengan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang merangsang pemikiran dan strategi pembelajaran amat diperlukan.

Hasil ujian hipotesis mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan kurikulum berasas kompetensi mengikut persepsi guru lelaki dan perempuan di Sekolah Insan Kuala Lumpur. Justeru, persepsi guru lelaki dan perempuan adalah sama pada tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi. Nampaknya tahap pelaksanaan kurikulum berasas kompetensi mengikut persepsi guru lelaki adalah lebih baik ($\text{min} = 3.82$) berbanding tahap pelaksanaan kurikulum berasas kompetensi mengikut persepsi guru perempuan ($\text{min} = 3.75$). Bagaimanapun, perbezaan ini tidaklah signifikan. Ujian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan kurikulum berasas kompetensi mengikut persepsi guru di sekolah Indonesia Kuala Lumpur yang berumur kurang dari 30 tahun dan guru yang berumur lebih 30 tahun. Walaupun tahap pelaksanaan kurikulum berasas kompetensi mengikut persepsi guru yang berumur kurang dari 30 tahun memiliki skor min lebih tinggi (3.55) berbanding dengan guru yang berumur lebih 30 tahun (3.18), namun nilai tahap signifikan (0.76) adalah tinggi daripada aras signifikan iaitu 0.05. Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan kurikulum berasas kompetensi mengikut persepsi guru yang berumur kurang dari 30 tahun dan guru yang berumur lebih dari 30 tahun.

Daripada ujian hipotesis yang dijalankan mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi mengikut persepsi guru berdasarkan status kerajaannya. Walaupun skor min guru kerajaan (4.30) lebih tinggi berbanding guru bukan kerajaan (3.64) tahap signifikan menunjukkan nilai $p = 0.09$. Tahap signifikan ini adalah lebih besar daripada aras signifikan iaitu 0.05 ($p > 0.05$). Justeru tahap pelaksanaan kurikulum mengikut persepsi mereka sama walaupun status mereka berbeza dari segi jawatan guru kerajaan dan bukan kerajaan. Kesamaan tahap pelaksanaan kurikulum ini mengikut persepsi guru kerajaan dan bukan kerajaan di sekolah Indonesia Kuala Lumpur kemungkinan besar berhubungkait dengan adanya pengkesediaan dan pandangan positif mereka terhadap keperluan melaksanakan kurikulum baru. Hipotesis juga mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan kurikulum berasas kompetensi mengikut persepsi guru berdasarkan pengalaman mengajar. Skor min bagi guru yang memiliki pengalaman mengajar kurang dari 10 tahun ialah 3.82 manakala skor min bagi guru yang memiliki pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun ialah 3.75. tahap signifikan ialah $p = 0.60$ signifikan ini adalah lebih besar daripada aras signifikan iaitu 0.05 ($p > 0.05$). Tidak adanya perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan kurikulum berasas kompetensi mengikut persepsi guru berdasarkan pengalaman guru yang mengajar kurang dari 10 tahun dan guru yang mengajar lebih dari 10 tahun adalah disebabkan oleh pelancaran dan pendedahan kurikulum ini yang masih baru mereka lakukan.

Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dan aspek kesediaan terhadap pelaksanaan kurikulum berasas kompetensi di Sekolah Insan Kuala Lumpur. Dapatan analisis menunjukkan nilai korelasi antara pengetahuan dan kesediaan mempunyai korelasi yang sederhana. Analisis dapatan menunjukkan nilai korelasi $r = 0.52$, manakala nilai p pula ialah $p = 0.00$ pada aras signifikannya 0.01. Untuk itu, nilai p didapati lebih kecil daripada aras signifikan ($p = 0.00 < 0.01$). Ini bermaksud semakin berpengetahuan seseorang guru terhadap kurikulum, maka mereka akan semakin memiliki kesediaan terhadap pelaksanaan Kurikulum Berasas Kompetensi (KBK). Pengetahuan dan kesediaan guru dalam melaksanakan kurikulum semestri menjadi syarat utama untuk menjamin kegiatan pelaksanaan kurikulum dengan baik. Kesediaan bersebut dengan pandangan Hurst dalam Habsah (2000), yang menyatakan bahawa guru yang mempunyai keupayaan dari segi pengetahuan, kefahaman, dan kemahiran lebih bersedia melakukan perubahan dan inovasi dalam pendidikan. Begitu pula kajian Siti Hawa (1986) dan (1987) memperkuat lagi hasil kajian ini yang menunjukkan bahawa masalah kurang pengetahuan, kefahaman dan kemahiran tentang perubahan dan inovasi dalam kalangan guru dikenal pasti sebagai balangan atau salah satu punca utama kegagalan pelaksanaan perubahan kurikulum. Dapatan ini amat wajar sekiranya guru-guru di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur diberikan latihan

yang lebih berkualiti berkaitan dengan Kurikulum Berasas Kompetensi untuk mempertingkatkan prestasi mereka terhadap kurikulum ini. Perkara ini juga di sokong berdasarkan dapatan kajian dengan guru bahawa kursus dan latihan yang mereka ikuti selama ini di Indonesia masih kurang dan pembelajarannya. Oleh itu, hal ini perlu diambil berat untuk menjamin keberkesanan kurikulum dan pembelajarannya bagi pelajar. Perkaitan ini juga disokong oleh kajian yang dibuat oleh Siti Hawa (1986), bahawa keupayaan guru untuk membuat inovasi semestarnya menjadi masalah yang mengambil kira latihan dan kursus bagi mempertingkatkan pengetahuan dan membolehkan melaksanakan perubahan dan inovasi sebagaimana yang diharapkan.

RUJUKAN

- M. Rahman. (1987). Curriculum innovation in Malaysia: The case of KBSR. Ph.D. Dissertation, Institute of Education, University of London.
- Rahman, M. (2004). *Paradigma pendidikan demokratis*. Jakarta: Kencana.
- Rahman, M. (2009). Kefahaman guru tentang konsep pendidikan bersepadu Sekolah Menengah KBSM. Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, M. (2003). *Analisa kegiatan sekolah dalam implementasi KBK*. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kuala Lumpur.
- Rahman, M. (2002). *Inovasi dasar pendidikan, perspektif sistem dan organisasi*. (Eds.) Kuala Lumpur: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahman, M. (1997). *Pengembangan kurikulum: Teori dan praktik*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Rahman, M. (1980). *Curriculum: Design and development*. Orlando: Harcourt School Publisher.
- Rahman, M. (1986). *Implementing a new curriculum for primary school: A case study from Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. University of London.
- Rahman, M., Khadijah Abdul Razak & Amzar Ahmad. (1999). Beberapa strategi pengajaran berpusatkan pelajar: Semaharan berfikir secara kritis dan kreatif di sekolah menengah di semenanjung Malaysia. *Laporan penyelidikan UKM*. G5/1999.
- Rahman, M., Ronald. (1973). *The change agent's guide to innovation in education*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall International Technology Publication.
- Rahman, M. (2004). *Pemahaman guru terhadap pelaksanaan KBK: Studi deskriptif SMPN di Kota Bandung*. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Indonesia.
- Rahman, M. (2006). *Pembelajaran dalam implementasi Kurikulum Berasas Kompetensi*. Jakarta: Kencana.



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

SIJIL PENYERTAAN

Dengan ini disahkan bahawa :

M. HASYIM MUSTAMIN
(Pembentang)


**SEMINAR KEBANGSAAN ISU-ISU PENDIDIKAN
NEGARA KETIGA: DASAR DAN PERLAKSANAAN**

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

13-14 Februari 2007

Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP (Esset) Bangi
Selangor Darul Ehsan

Prof. Madya **DR. Utiya Binti Wati**
Dekan
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2007
Winner of Prime Minister's Quality Awards 2007

